

Umno mahu SPR tambah kakitangan masuk data

Oleh Rafidah Mat Ruzki

SUNGAI BESAR: Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) diminta menambah kakitangan untuk mempercepatkan kemasukan maklumat pengundi berdaftar dalam sistem komputernya bagi memudahkan orang ramai, terutama ahli Umno menyemak status pendaftaran masing-masing.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata walaupun ada ahli Umno lewat mendaftar, ada juga cawangan SPR di beberapa negeri tidak cukup kakitangan untuk memasukkan data daftar pengundi ke dalam sistem komputer.

"Kita minta SPR tambah kakitangan supaya mana yang sudah hantar borang, SPR dapat masukkan segera maklumat.

"Jika tidak, sukar kita nak semak. Nanti sampai Ogos, ahli Umno kata

BH - 09/07/2007

sudah daftar, tetapi SPR kata belum," katanya pada sidang media selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Sungai Besar, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Perhubungan Umno Selangor, Datuk Seri Dr

Mohamad Khir Toyo dan Ketua Umno Bahagian Subang, Datuk Mohd Mokhtar Ahmad Dahalan.

Mohd Ali berkata, SPR di Selangor dan Kedah adalah antara negeri yang dikenal pasti menghadapi masalah itu apabila sebahagian besar nama ahli Umno yang sudah mendaftar belum dimasukkan dalam data komputer SPR.

Katanya, Umno Kedah mendapati kira-kira 9,000 nama daripada kira-kira 40,000 ahlinya yang sudah mendaftar sebagai pengundi ada dalam sistem SPR, manakala bakinya tiada.

Beliau berkata, masalah sama turut berlaku di Selangor.

"Umno mensasarkan semua ahlinya mendaftar sebagai pengundi sebelum 31 Ogos ini jika mahu mengundi pada pilihan raya umum akan datang kerana selepas tarikh itu, mereka mungkin tidak dapat mengundi," katanya.

FAKTA NOMBOR

Umno Kedah

40,000

Daftar sebagai pengundi

31,000

Ahli daftar sebagai pengundi tiada dalam sistem SPR